



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 6 DISEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	BANJIR DI EMPAT NEGERI SEMAKIN PULIH, JUMLAH MANGSA BERKURANGAN		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2499370	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759463/berita/semasa/banjir-di-empat-negeri-beransur-pulih-jumlah-mangsa-menurun	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/12/1330763/number-evacuees-drops-situation-flood-hit-states-improves	NST.COM.MY	
	https://themalaysianreserve.com/2025/12/05/floods-recede-in-four-states-sharp-drop-in-number-of-evacuees/	THEMALAYSIANRESERVE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	BANJIR: JUMLAH MANGSA DI PERAK DAN PERLIS BERKURANG, SELANGOR SEDIKIT MENINGKAT		NEUTRAL
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2499109	BERNAMA.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/12/05/flood-toll-shifts-selangor-sees-rise-in-evacuees-perak-and-perlis-drop-pahang-steady/200846	MALAYMAIL.COM	
	https://theedgemaalaysia.com/node/784933	THEEDGEMALAYSIA.COM	
	https://themalaysianreserve.com/2025/12/05/flood-numbers-drop-in-perak-perlis-unchanged-in-pahang-slightly-up-in-selangor/	THEMALAYSIANRESERVE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	LEBIH 3,000 MANGSA BANJIR BERLINDUNG DI 49 PPS SELURUH NEGARA		NEUTRAL
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1480863/lebih-3000-mangsa-banjir-berlindung-di-49-pps-seluruh-negara	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/12/05/lebih-3000-mangsa-banjir-masih-di-pps-7-negeri	FREEMALAYSIATODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/12/1330247/over-3000-flood-victims-take-refuge-49-centres-nationwide	NST.COM.MY	
	https://www.thevibes.com/articles/news/116521/some-3000-flood-victims-remain-in-relief-centres-as-severe-weather-warnings-intensify	THEVIBES.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	TUJUH INDIVIDU MASIH BERLINDUNG DI SATU PPS DI PAHANG		NEUTRAL
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/tujuh-individu-masih-berlindung-di-satu-pps-di-pahang	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	RUMAH HAMPIR JATUH TEBING, 47 PENDUDUK ORANG ASLI DIPINDAH KE PPS		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my//mutakhir/2025/12/1296430/rumah-hampir-jatuh-tebing-47-penduduk-orang-asli-dipindah-ke-pps	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	PEMBANGUNAN USAHAWAN OKU DIBERI PERHATIAN		POSITIF
	https://www.melakahariini.my/pembangunan-usahawan-oku-diberi-perhatian/	MELAKAHARIINI.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	BELANJAWAN PAHANG 2026 : PAHANG KONSISTEN BELA KEBAJIKAN RAKYAT, PERUNTUK RM19.14 JUTA UNTUK JKM		POSITIF

<https://pahangmedia.my/archives/49800>

PAHANGMEDIA.MY

<https://pahangmedia.my/archives/49875>

PAHANGMEDIA.MY

<https://pahangmedia.my/archives/49837>

PAHANGMEDIA.MY

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	TRAUMA SILAM, KELEMAHAN INSTITUSI KELUARGA FAKTOR KECENDERUNGAN HUBUNGAN SONGSANG		NEUTRAL

<https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/trauma-silam-kelemahan-institusi-keluarga-faktor-kecenderungan-hubungan-songsang>

BERITA.RTM.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	JANGAN BIAR CINTA BERUBAH JADI 'PISAU'		NEUTRAL

<https://www.sinarharian.com.my/article/759355/suara-sinar/analisis-sinar/jangan-biar-cinta-berubah-jadi-pisau>

SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	MELAKA PERUNTUK LEBIH RM20 JUTA UNTUK KEBAJIKAN RAKYAT MEMERLUKAN		POSITIF

<https://www.melakahariini.my/melaka-peruntuk-lebih-rm20-juta-untuk-kebaikan-rakyat-memerlukan/>

MELAKAHARIINI.MY

<https://thesun.my/news/malaysia-news/melaka-tables-rm621-8-million-budget-for-2026-with-focus-on-public-welfare/>

THESUN.MY

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.melakahariini.my/melaka-sedia-insentif-khas-bantu-oku-beli-rumah-pertama/	MELAKAHARIINI.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/12/05/30000-receive-welfareassistance-from-melaka-govt?gsid=5497b7f3-7df0-4a35-a596-19ad3dfc45a8	THESTAR.COM.MY	
	https://www.melakahariini.my/bajet-negeri-melaka-2026-peruntukan-pendidikan-daripada-bayi-hingga-ke-menara-gading/	MELAKAHARIINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	MALAYSIA DIKAGUMI KOMUNITI UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA LINDUNGI KESELAMATAN SAKSI KANAK-KANAK		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1481146/malaysia-dikagumi-komuniti-undang-undang-antarabangsa-lindungi	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/12/pengurusan-saksi-kanak-kanak-malaysia-terbaik-di-dunia-ketua-hakim-negara/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/12/05/bring-justice-to-your-doorstep-how-mobile-courts-can-help-children-disabled-persons-in-malaysia-according-to-cj/200890	MALAYMAIL.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	'BELANJA WARGA EMAS, OKU MAKAN RM300'		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/05/belanja-warga-emas-oku-makan-rm300/	KOSMO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	LELAKI DITAHAN PAKSA KEKASIH AMBIL UBAT GUGURKAN BAYI		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/05/lelaki-ditahan-paksa-kekasih-ambil-ubat-gugurkan-bayi/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1296314/lelaki-ditahan-disyaki-paksa-kekasih-makan-ubat-gugur-kandungan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/759459/berita/semasa/paksa-kekasih-gugur-kandungan-lelaki-ditahan-remam-empat-hari	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.malaysiakini.com/news/762760	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/12/05/rawan-g-man-arrested-for-forcing-girlfriend-to-take-abortion-pill-causing-infants-death/200858	MALAYMAIL.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/12/1330401/man-held-over-medication-pregnant-teen-led-babys-death	NST.COM.MY	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/12/05/pemuda-paksa-gadis-ambil-ubat-gugurkan-bayi-direman-4-hari	MSTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
14	GURU, DATUK DIDAKWA CABUL MURID DAN CUCU PEREMPUAN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1296337/guru-datuk-didakwa-cabul-murid-dan-cucu-perempuan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/guru-datuk-masing-masing-didakwa-cabul-murid-cucu/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/12/1481055/guru-datuk-masing-masing-didakwa-cabul-murid-cucu	BHARIAN.COM.MY	
	https://onetiger.com/guru-datuk-didakwa-cabul-murid-bocah-terkejut-polis-siasat-kes-serius/	ONETIGER.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=ziFFR1rKgkA	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
15	WANITA DIDAKWA UGUT BAKAR RUMAH, ACU PISAU KE ARAH IBU		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/wanita-didakwa-ugut-bakar-rumah-acu-pisau-ke-arrah-ibu/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1296295/wanita-didakwa-ugut-bakar-rumah-acu-pisau-ke-arrah-ibu	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/05/ugut-bakar-rumah-acu-pisau-dekat-ibu-berang-dilarang-keluar-rumah/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/wanita-acu-pisau-ugut-bakar-rumah-terhadap-ibu-kandung-didakwa/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://www.youtube.com/shorts/-0vzoPB8jEM	YOUTUBE	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
16	LELAKI MISTERI LRT BANGSAR SERANG WANITA		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/12/05/lelaki-misteri-lrt-bangsar-serang-wanita/	KOSMO.COM.MY	
	https://suria.my/terkini/viral/video-mat-salih-cuba-pecah-masuk-kereta-wanita-berdepan-saat-cemas-ketika-tunggu-tunang-di-bangsar/	SURIA.MY	
BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
17	LIMA HARI BERSAMA MAYAT ANAK, WANITA BUTA TERPAKSA MERANGKAK CARİ BANTUAN		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/lima-hari-bersama-mayat-anak-wanita-buta-terpaksa-merangkak-cari-bantuan/	BULETINTV3.MY	
	https://www.mingguanwanita.my/ibu-buta-merangkak-panjat-bukit-cari-bantuan-akibat-kelaparan-anak-oku-ditemui-sudah-meninggal-dunia-6-hari/	MINGGUANWANITA.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



6/12/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
18	LELAKI DIDAKWA LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP REMAJA 15 TAHUN		NEGATIF
	https://malaysiagazette.com/2025/12/05/lelaki-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja-15-tahun/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/12/05/penghantar-makanan-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja-perempuan/	TVSARAWAK.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Banjir Di Empat Negeri Semakin Pulih, Jumlah Mangsa Berkurangan

🕒 05/12/2025 09:48 PM



KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Situasi banjir di Perak, Selangor, Perlis dan Pahang semakin pulih setakat malam ini dengan jumlah mangsa terus mencatatkan penurunan selain beberapa pusat pemindahan sementara (PPS) turut ditutup.

Di **PERAK**, jumlah mangsa berkurang kepada 1,539 orang daripada 470 keluarga berbanding 1,674 orang daripada 509 keluarga petang tadi.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Perak memaklumkan satu lagi PPS di Hilir Perak ditutup menjadikan hanya 11 PPS masih beroperasi ketika ini.

Daripada jumlah itu, enam PPS di daerah Hilir Perak menempatkan 776 mangsa, manakala 459 mangsa berlindung di dua PPS di Bagan Datuk dan 304 lagi mangsa di tiga PPS di Manjung.

Sementara itu, di **SELANGOR** mangsa banjir berkurang kepada 429 orang daripada 134 keluarga malam ini berbanding 616 mangsa melibatkan 187 keluarga petang tadi.

Menurut laman web Infobencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebanyak sembilan PPS masih beroperasi di daerah Hulu Langat, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

Keadaan banjir di **PERLIS** juga menunjukkan pemulihan dengan jumlah mangsa terus berkurang kepada 15 orang setakat 8 malam ini berbanding 20 mangsa petang tadi, dengan kesemuanya ditempatkan di PPS SK Felcra Lubuk Sireh, Padang Besar.

Di **PAHANG**, penurunan mangsa turut direkodkan malam ini apabila hanya tujuh orang daripada sebuah keluarga yang masih berlindung di sebuah PPS di Kuantan, berbanding 14 penduduk daripada dua keluarga petang tadi.

Menerusi laman web publicinfobanjir pula paras air semua sungai utama di negeri-negeri terlibat menunjukkan bacaan di bawah paras bahaya malam ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Banjir: Jumlah Mangsa Di Perak Dan Perlis Berkurang, Selangor Sedikit Meningkat

05/12/2025 11:15 AM



KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Jumlah mangsa banjir yang berlindung di pusat pemindahan sementara (PPS) di Perak dan Perlis terus menunjukkan penurunan manakala di Selangor meningkat sedikit dan angka di Pahang kekal, setakat 8 pagi ini

Di **SELANGOR**, sebanyak 896 mangsa daripada 267 keluarga berada di PPS pagi ini berbanding 774 mangsa daripada 248 keluarga malam tadi.

Menurut laman web Infobencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), satu PPS baharu dibuka malam tadi menjadikan keseluruhan sembilan PPS beroperasi di daerah Hulu Langat, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

Di **PERAK**, jumlah mangsa di empat daerah berkurangan kepada 1,947 orang daripada 586 keluarga yang berlindung di 14 PPS berbanding 2,000 mangsa daripada 598 malam tadi.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Perak memaklumkan tujuh PPS di daerah Hilir Perak menempatkan 985 orang, manakala di Bagan Datuk (581), Manjung (368) serta Larut, Matang dan Selama (13).

Di **PERLIS**, turut mencatatkan penurunan kepada 111 orang setakat 8 pagi ini berbanding 115 orang malam tadi.

Berdasarkan data Sekretariat JPBN Perlis kesemua mangsa banjir berkenaan ditempatkan di dua PPS di Padang Besar dan Arau.

Di **PAHANG**, jumlah penduduk yang terjejas akibat banjir setakat 8 pagi ini kekal 113 mangsa daripada 30 keluarga yang berada di lima PPS seperti malam tadi.

Menurut InfoBencana JKM, sebanyak 106 penduduk daripada 29 keluarga ditempatkan di empat PPS di Raub manakala tujuh sekeluarga di Kuantan masih berlindung di satu PPS.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lebih 3,000 mangsa banjir berlindung di 49 PPS seluruh negara



Muhammad Yusri Muzamir - Disember 5, 2025 @ 8:48am



Berdasarkan portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebanyak 15 PPS masih beroperasi di Perlis, manakala 14 lagi di Perak, diikuti Selangor (11 PPS) dan Pahang (enam PPS). - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Seramai 3,135 mangsa banjir masih berlindung di 49 pusat pemindahan sementara (PPS) yang beroperasi di tujuh negeri, setakat jam 8 pagi tadi.

Berdasarkan portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebanyak 15 PPS masih beroperasi di Perlis, manakala 14 lagi di Perak, diikuti Selangor (11 PPS) dan Pahang (enam PPS).

Selain itu, satu PPS direkodkan masih beroperasi di Kelantan, Sabah dan Sarawak.

Keseluruhan mangsa banjir itu membabitkan 966 lelaki dan 1,011 perempuan, manakala 1,078 kanak-kanak, 83 bayi, 403 warga emas dan 84 orang kurang upaya (OKU).

Sementara itu, Jabatan Meteorologi (METMalaysia) mengeluarkan amaran hujan berterusan dijangka berlaku di beberapa kawasan di Kelantan, Pahang serta Terengganu, bermula esok hingga Ahad ini.

Amaran sama turut dikeluarkan bagi beberapa kawasan di Johor dan Sarawak, mulai Ahad hingga Isnin depan.

Selain itu, amaran ribut petir, hujan lebat dan angin kencang dijangka membadai perairan Perlis dan Kedah serta Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, barat Johor, Terengganu, Sarawak dan Sabah sehingga jam 10 pagi ini.

Ribut petir, hujan lebat dan angin kencang juga dijangka berlaku di perairan timur Phuket dan Samui, Thailand; Selat Melaka, utara Tioman, Condore, tenggara Bunguran, Reef North dan South, Layang-Layang, Labuan, Sulu serta Sulawesi, Indonesia hingga jam 10 pagi ini.

Keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang hingga 50 kilometer sejam (km/j) dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter (m) serta berbahaya kepada bot kecil.

METMalaysia turut mengeluarkan amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora Kategori III, membabitkan angin kencang timur laut melebihi 60km/j dengan ombak melebihi 4.5 m dijangka di perairan timur laut Condore, barat laut Reef North sehingga Isnin depan.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada semua aktiviti pantai dan perkapalan, termasuk pekerja di pelantar minyak.

Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora Kategori II membabitkan angin kencang timur laut berkelajuan 50 hingga 60 km/j dijangka di perairan barat laut dan tenggara Condore, timur laut dan barat daya Reef North serta Layang-Layang, sehingga Isnin ini.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5m itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai, termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora Kategori I pula dikeluarkan bagi perairan timur Johor dan tenggara Samui, Thailand; Pahang, Terengganu, Kelantan, Tioman, barat daya Condore, utara Bunguran, tenggara Reef North, Reef South, Labuan, Palawan serta Sulu hingga Isnin ini.

Keadaan itu menyebabkan angin kencang timur laut berkelajuan 40 hingga 50 km/j dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5m, selain berbahaya kepada bot kecil serta rekreasi dan sukan laut.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tujuh individu masih berlindung di satu PPS di Pahang

Nasional - Dicipta: 05 Disember 2025 08:05 PM



Foto Facebook APM Pahang

KUANTAN, 5 Disember – Hanya sebuah pusat pemindahan sementara (PPS) masih dibuka di Pahang membabitkan daerah Kuantan.

Berdasarkan portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setakat pukul 7.30 malam tadi, PPS Sekolah Menengah (SM) Pendidikan Khas Vokasional Kuantan menempatkan tujuh individu terdiri daripada sebuah keluarga terjejas.

Jumlah itu berkurang berbanding 14 individu setakat pukul 4.30 petang tadi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Rumah hampir jatuh tebing, 47 penduduk Orang Asli dipindah ke PPS

BERNAMA



Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor, Azmir Kassim (tiga,kanan) melawat Pusat Pemindahan Sementara Orang Asli Batu 12 Gombak di Dewan Serbaguna Komuniti Orang Asli, Gombak hari ini. FOTO BERNAMA

Gombak: Seorang warga emas melalui detik cemas apabila dinding dapurnya runtuh dan sebahagian rumahnya hampir terjatuh ke tebing, susulan tanah runtuh akibat hujan lebat di Kampung Orang Asli Batu di sini Rabu lepas.

Halimah Yunos, 71, antara 47 penduduk yang terjejas, berkata insiden kira-kira 7 malam itu berlaku selepas hujan lebat berterusan menyebabkan berlakunya pergerakan tanah di laluan air yang merentasi kampung.

"Sebaik saja menyadari tanah di bahagian dapur telah runtuh, saya terus memanggil anak yang tinggal di rumah sebelah untuk mengalihkan barang-barang di dapur ke bahagian tengah rumah, sebelum kami bergerak ke PPS (pusat pemindahan sementara).

"Dalam keadaan hujan lebat, keadaan begitu mencemaskan, nasib baik saya tidak berada di dapur ketika itu," katanya ketika ditemui di PPS Dewan Serbaguna Orang Asli Batu 12, di sini hari ini.

Beliau memaklumkan bahawa pergerakan tanah sudah dikesan sejak 25 Nov lepas namun kejadian pada hari Rabu itu menyebabkan rumahnya tidak lagi selamat untuk diduduki.

Seorang lagi penduduk, Mahadil Ali, 55, berkata insiden berkenaan merupakan kejadian tanah runtuh pertama sejak penempatan itu dibuka pada 1991.

Beliau mendakwa air dan sisa binaan daripada projek pembangunan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang terletak kira-kira 200 meter di atas bukit, yang disalurkan ke laluan air di kampung berkenaan, menjadi antara faktor mempengaruhi struktur tanah di kawasan itu.

"Jika ada cadangan untuk kami berpindah, saya akan bersetuju kerana kawasan tanah di rumah saya sudah tidak selamat diduduki," katanya.

Wakil dari Pejabat Ahli Parlimen Gombak Hazmimi Johar yang melawat mangsa di PPS berkenaan memaklumkan proses pemindahan mangsa terdiri daripada lapan keluarga pada malam Rabu lepas dilakukan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Pejabat Pegawai Daerah Gombak dan pasukan penyelamat.

Beliau berkata semua mangsa akan terus ditempatkan di PPS itu sehingga kawasan penempatan baharu yang lebih sesuai dan selamat dikenal pasti manakala bantuan makanan dan keperluan asas akan diteruskan.

Menurut Hazmimi, secara keseluruhan, terdapat 290 rumah dengan anggaran 1,400 penduduk Orang Asli mendiami kampung tersebut.

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor Ahmad Mukhlis Mokhtar berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan pada 7.10 malam sebelum pasukan dari Balai Bomba dan Penyelamat Selayang digerakkan ke lokasi kejadian.

Menurutnya, pemeriksaan di lokasi mendapati runtuh tebing setinggi kira-kira 7.6 meter melibatkan kawasan seluas 100 kaki persegi, mengakibatkan lapan rumah terjejas namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Noordin menjawab soalan lisan pada Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Melaka Kelima Belas di Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka. Foto Afiq Mustaffa

PEMBANGUNAN USAHAWAN OKU DIBERI PERHATIAN

NURSALIAWATI SALBERI
JUMAAT, 5 DISEMBER 2025 @ 17:03

SERI NEGERI 5 Disember – Kerajaan Negeri terus komited dalam memastikan golongan orang kurang upaya (OKU) diberi perhatian sewajarnya dalam semua aspek pembangunan termasuk program sokongan dan keusahawanan.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Noordin berkata, beberapa kementerian juga turut menyediakan bantuan mula niaga kepada golongan OKU menerusi beberapa skim serta program.

Bellau berkata, antara kementerian yang terbabit adalah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraf Hidup (KPDN), Kementerian Kemahiran Desa dan Wilayah (KKDW) Dan Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP).

“Sehingga Oktober 2025 lalu TEKUN Nasional telah menyalurkan bantuan berjumlah RM27.6 juta kepada seramai 2,279 usahawan OKU seluruh negara, daripada jumlah itu 107 adalah dari Melaka membabitkan nilai RM1.01 juta.

“Untuk tahun 2025 seramai lima usahawan OKU di Melaka telah disalurkan pembiayaan berjumlah RM53,000 melalui pelaksanaan Skim Pembiayaan OKU (SP-OKU).

“Ia membabitkan dua usahawan dari seliaan TEKUN Parlimen Jasin dan Parlimen Kota Melaka serta seorang daripada kawasan Parlimen Masjid Tanah,” katanya.

Bellau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan Mohd Noor Helmy Abdul Halem (BN-Duyong) pada Persidangan Ketiga (Bajet) Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Melaka Kelima Belas, di sini, hari ini.

Kalsom yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pengkalan Batu berkata, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah menyalurkan insentif kepada golongan OKU melalui pelaksanaan 2 Years Exit Programme (2 YEP).

“Pada tahun 2025 JKJ telah memilih lima orang peserta dari golongan OKU untuk mengikuti program ini dengan peruntukan sebanyak RM25,000 bagi modal termasuk latihan,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



BELANJAWAN PAHANG 2026 : PAHANG KONSISTEN BELA KEBAJIKAN RAKYAT, PERUNTUK RM19.14 JUTA UNTUK JKM

5 December, 2025



YAB, Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail ketika sesi pembentangan Belanjawan Pahang 2026 di Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Oleh : Norhafizan Zulkifli

Foto : Farizul Hafiz Awang

KUANTAN, 05 DISEMBER 2025 : Kerajaan Negeri memperuntukkan RM19.14 juta kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi melaksanakan dasar sosial secara berkesan selain RM10 juta lagi menerusi Tabung Bencana Negeri Pahang bagi kesiapsiagaan menghadapi sebarang kecemasan.

YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail berkata, menyedari kepentingan kebajikan warga emas dan orang kurang upaya (OKU), Kerajaan Negeri meneruskan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) dengan peruntukan RM1 juta.

"Kerajaan Negeri turut menyalurkan pemberian one-off sebanyak RM300 kepada pelatih pemulihan dalam komuniti sebagai galskan untuk terus mengikuti program di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK). Inisiatif ini melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM468,000.

"Pada masa sama, Kerajaan Negeri meneruskan sumbangan one-off sebanyak RM500 kepada setiap penyelia dan petugas PPDK melibatkan peruntukan RM150,000," katanya ketika sesi pembentangan Belanjawan Pahang 2026 di Dewan Negeri Pahang di Wisma Sri Pahang, di sini hari ini.

Tambahnya, dalam memperkukuh usaha pencegahan penyalahgunaan dadah, Kerajaan Negeri bersetuju menyalurkan peruntukan kepada tiga pertubuhan iaitu PEMADAM (RM75,000), PENGASIH (RM75,000) dan Drugs Intervention Community (DIC) (RM150,000) untuk melaksanakan program advokasi serta pendidikan antidadah.

Kerajaan Negeri juga katanya, turut meneruskan program-program pemerkasaan wanita termasuk Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Negeri Pahang (RM1 juta), Program Anggun Suri (RM1 juta) untuk membantu pasangan muda melangsungkan perkahwinan, serta Program Anggun Maju (RM1 juta) yang memberi manfaat kepada 1,000 usahawan wanita di seluruh negeri.

Dalam pada itu beliau berkata, pembinaan sebuah Kompleks Komuniti di Daerah Lipis dengan peruntukan RM10 juta yang bakal menjadi kemudahan sosial inklusif untuk manfaat masyarakat setempat selaras dengan agenda Kerajaan Negeri dalam menyediakan prasarana komuniti yang kondusif dan menyeluruh. -PAHANGMEDIA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Trauma silam, kelemahan institusi keluarga faktor kecenderungan hubungan songsang

Nasional - Dicipta: 05 Disember 2025 01:19 PM



FOTO HIASAN / BERNAMA

GEORGE TOWN, 5 Disember - Faktor persekitaran khususnya trauma silam dan kelemahan fungsi institusi keluarga dipercayai menjadi antara punca utama kecenderungan hubungan songsang dalam kalangan lelaki.

Ketua Pegawai Psikologi Universiti Sains Malaysia (USM), Ahmad Anwar Omar berkata, pengalaman semasa kanak-kanak memainkan peranan penting dalam membentuk orientasi serta tingkah laku seseorang sehingga dewasa.

Menurut beliau, kecenderungan itu turut diperkukuh melalui pengaruh media sosial dan rakan sebaya.

"Kebanyakannya mempunyai sejarah pernah menjadi mangsa gangguan seksual sejak kecil termasuk liwat dan grooming. Faktor ini dianggap paling utama kerana ia boleh berlarutan sehingga dewasa malah berisiko berpanjangan sekiranya tidak dibendung.

"Selain itu, pengaruh rakan sebaya juga sangat kuat kerana mereka cenderung membentuk kelompok yang mempunyai orientasi sama. Faktor keibubapaan turut memainkan peranan apabila keluarga gagal menjadi ruang selamat untuk mendapatkan bantuan, nasihat dan komunikasi yang terbuka," katanya ketika ditemu bual di Unit Kaunseling USM, Gelugor.

Dalam pada itu, beliau percaya usaha pemulihan masih boleh dicapai melalui tekad yang kuat serta sokongan persekitaran, khususnya daripada keluarga dan masyarakat.

"Pemulihan boleh berlaku dengan tekad yang kuat serta sokongan circle yang positif. Jika persekitaran tidak membantu, proses pemulihan menjadi sukar. Keluarga dan masyarakat perlu mendekati golongan ini, menyediakan ruang komunikasi yang selamat supaya mereka berani tampil mendapatkan rawatan," katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa pendekatan terhadap golongan berkenaan tidak seharusnya berasaskan hukuman semata-mata, sebaliknya perlu lebih terbuka dan bersifat membimbing.

Baru-baru ini, seramai 13 lelaki dicekup kerana dipercayai terlibat dalam aktiviti persundalan luar tabii dan hubungan songsang di sebuah premis di Bandar Perai Jaya, Bukit Mertajam.

Susulan itu, Exco Pembangunan Agama Islam, Datuk Dr Mohamad Abdul Hamid dilaporkan akan mempergiatkan penguatkuasaan bagi membendung aktiviti tersebut.



Ketua Pegawai Psikologi Universiti Sains Malaysia (USM), Ahmad Anwar Omar

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jangan biar cinta berubah jadi 'pisau'



AZMA MOHD LAZIM

Follow

05 Disember 2025 09:20am



Masyarakat juga harus berhenti menganggap keganasan rumah tangga sebagai urusan peribadi suami isteri.

PILU! Laporan mengenai seorang suami menikam isteri dipercayai akibat cemburu sekali lagi menggemparkan negara. Insiden tragis itu bukan sekadar angka dalam rekod jenayah tetapi penderitaan senyap, membongkar krisis keganasan rumah tangga yang terus berulang atas nama cinta.

Kejadian itu seharusnya membuka mata kita, ia menunjukkan betapa rapuhnya institusi perkahwinan apabila hubungan yang sepatutnya menjadi pelindung bertukar menjadi punca penderitaan.

Tragedi sebegini bukan lagi kes terencil tetapi realiti yang muncul saban minggu di dada akhbar.

Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia sempena Hari Penghapusan Keganasan Terhadap Wanita Antarabangsa pada 25 November lalu cukup membimbangkan.

Daripada 11,042 kes keganasan terhadap wanita berusia 16 hingga 64 tahun pada 2024, 47.6 peratus ialah kes keganasan rumah tangga. Ia menggambarkan betapa ramai isteri, ibu dan wanita terperangkap dalam hubungan yang mengancam nyawa.

Cukuplah! Sudah tiba masanya kita hentikan kekerasan atas nama cinta. Rumah tangga harus menjadi syurga buat keluarga, bukan medan curiga, ketakutan dan akhirnya tragedi yang meragut nyawa.

Penganiayaan berpunca daripada cemburu melampau jarang sekali datang daripada isu kecurangan semata-mata.

Ia gejala rasa memiliki yang berlebihan sehingga pasangan dianggap seperti harta benda, bukan amanah untuk disayangi.

Malangnya, alasan seperti mengasari kerana sayang, mendidik atau cemburu tanda peduli masih dijadikan justifikasi untuk menormalisasi penderaan emosi, fizikal serta mental.

Masyarakat juga harus berhenti menganggap keganasan rumah tangga sebagai urusan peribadi suami isteri.

Ia bukan konflik domestik semata-mata tetapi penyakit sosial yang lahir daripada ego yang rapuh dan kegagalan mengurus emosi.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan menegaskan tanggungjawab suami yang qawwam ialah melindungi, memimpin dan mewujudkan suasana aman dalam keluarga.

Seni menegur pasangan turut digariskan iaitu dengan nasihat secara ber hikmah, tutur kata yang baik, penuh kasih sayang dan bertujuan memperbaiki, bukan menjatuhkan.

Walaupun dibenarkan memukul dengan pukulan ringan selepas kaedah menasihati dan berpisah tempat tidur gagal, ia tetap bersyarat iaitu tidak mencederakan, tidak menyakitkan, tidak menghina dan tidak sampai meragut nyawa.

Wahai wanita, jangan diam! Jangan mengunci mulut sehingga rumah tangga yang dibina atas nama cinta bertukar menjadi gelanggang pertumpahan darah.

Jika ada tanda-tanda bahaya, angkat kaki, selamatkan nyawa dan masa depan. Usah biarkan diri terus ditindas.

Seperti dinyatakan Pegawai Psikologi Kanan KKM, Mejar Bersekutu (PA) Kasturi Bai dalam Sinar Live Trauma Jadi Mangsa Keganasan Rumah Tangga, ramai wanita memilih berdiam diri kerana memikirkan anak-anak, tekanan keluarga, pergantungan emosi atau stigma masyarakat terhadap status janda.

Lebih memeritkan ialah persepsi masyarakat terhadap status janda. Bimbang dilabel sebagai punca keruntuhan rumah tangga, kebanyakan mangsa memilih untuk bertahan sekalipun hidup dalam suasana toksik kerana takut dianggap gagal dan khuatir kehilangan hak penjagaan anak.

Keganasan tidak semestinya luka yang kelihatan, ia boleh berupa penderaan emosi, paksaan seksual, pengasingan sosial, kawalan kewangan, ancaman, hinaan atau memperlekeh, manipulasi dan gaslighting.

Berani bertindak sebelum ia meragut mental dan nyawa. Gunakan saluran bantuan yang tersedia. Jangan biarkan cinta berubah menjadi pisau yang mencederakan hati dan hidup anda!

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



AB Rauf ketika menyampaikan sumbangan kerusi roda kepada warga emas sempena Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR) DUN Durian Tunggal, bulan lalu. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

MELAKA PERUNTUK LEBIH RM20 JUTA UNTUK KEBAJIKAN RAKYAT MEMERLUKAN

MOHAMAD FAZRUH ABDUL MAJID
KUALA, 5 DISEMBER 2025 @ 19:00

SERI NEGERI 5 Disember – Sejumlah lebih RM20 juta diperuntukkan Kerajaan Negeri bagi menyalurkan pelbagai bentuk bantuan kepada rakyat memerlukan di seluruh negeri.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, ia merangkumi pelbagai bentuk bantuan menerusi Skim Melaka Sayang Rakyat (MeSRA), khususnya kepada asnaf dan golongan rentan.

Jelas beliau, peruntukan tertinggi adalah Bantuan MeSRA Am kepada 2,940 penerima daripada golongan miskin berjumlah RM11.4 juta.

“Selain itu, Bantuan MeSRA Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin turut disediakan untuk 1,076 keluarga yang terlibat dalam kerja pembersihan surau, masjid dan tanah perkuburan dengan peruntukan sebanyak RM5 juta.

“Bantuan MeSRA Lampin Pakai Buang Dewasa pula memperuntukkan RM2.1 juta kepada 3,179 penerima dan Bantuan MeSRA Susu Orang Terlantar kepada 380 penerima dengan peruntukan RM1.7 juta.

“Pada masa sama, RM200,000 diperuntukkan bagi Bantuan MeSRA Pengurusan Jenazah B40 berjumlah bagi meringankan kos pengurusan jenazah golongan B40,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap membentangkan Bajet Negeri Melaka 2026 yang bertemakan ‘Pembangunan Terancang, Demi Rakyat Untuk Rakyat’ di Dewan Undangan Negeri, di sini, hari ini.

Tambah Ketua Menteri, bagi memperkasa 37,356 Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM650,000 merangkumi pelbagai program.

Jelas beliau, antara program yang disediakan adalah seperti Program MeSRA OKU untuk atlet Para SUKMA, latihan kemahiran percuma, penambahbaikan peralatan pemulihan dan fisioterapi serta pertandingan sukan dan bakat OKU Negeri Melaka.

Dalam pada itu, mengambil kira negara dijangka menjadi negara tua menjelang 2030, Kerajaan Negeri juga sedang meneliti kajian penubuhan Pusat Jagaan Warga Emas bagi mengisi kekosongan jangka panjang di negeri ini.

Pada masa sama, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan RM500,000 bagi memperkasa golongan wanita dengan pelaksanaan Program Wanita Inspirasi Melaka iaitu satu wadah memperkasa kepimpinan, memperluas pendidikan, memperkukuh keselamatan sosial serta memperteguh advokasi menentang keganasan rumah tangga.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Malaysia dikagumi komuniti undang-undang antarabangsa lindungi keselamatan saksi kanak-kanak

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali - Disember 5, 2025 @ 5:51pm



Ketua Hakim Negara, Datuk Seri Wan Ahmad Farid Wan Salleh ketika pertemuan bersama media sempena 100 hari pelantikan sebagai Ketua Hakim Negara di Putrajaya. - Foto NSTP/Mohd Fadli Hamzah

PUTRAJAYA: Kemajuan negara dalam memastikan keselamatan saksi kanak-kanak ketika memberi keterangan di mahkamah dikagumi komuniti undang-undang antarabangsa, kata Ketua Hakim Negara, Datuk Seri Wan Ahmad Farid Wan Salleh.

Wan Ahmad Farid berkata, Badan Kehakiman menekankan penggunaan mahkamah bergerak termasuk van mesra kanak-kanak khas sebagai langkah membantu saksi kanak-kanak memberi keterangan dalam kes kesalahan seksual terhadap mereka.

Katanya, ketika berucap di Riyadh, Arab Saudi minggu lalu dalam satu persidangan antarabangsa, mereka agak terkejut bahawa Malaysia begitu maju dalam memastikan keselamatan saksi kanak-kanak.

"Saya boleh katakan kita antara yang terbaik di dunia. Dalam kes-kes kesalahan seksual membabitkan kanak-kanak, kita menjaga saksi dari rumah mereka sehinggalah ke mahkamah.

"Kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah seksual berhadapan dua jenis trauma; satu ketika kejadian berlaku dan satu lagi ketika mereka perlu mengimbuai peristiwa ketika memberi keterangan di mahkamah.

"Trauma itu lebih teruk apabila pelaku adalah ahli keluarga terdekat seperti bapa saudara, ayah, atau abang. Oleh itu, dengan adanya mahkamah bergerak ini, kita dapat membantu mangsa ini memberi keterangan dalam persekitaran yang kurang menekan dan melindungi mereka," katanya.

Pada 29 Oktober lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said berkata kerajaan memperuntukkan RM10 juta untuk mengembangkan perkhidmatan mahkamah bergerak termasuk Mahkamah Kanak-Kanak Bergerak dan inisiatif Keadilan Bergerak.

Katanya, peruntukan itu adalah sebahagian daripada RM165 juta yang diperuntukkan di bawah Belanjawan 2026 untuk mempertingkatkan kemudahan mahkamah.

Sementara itu Wan Ahmad Farid turut ditanya mengenai penggunaan kecerdasan buatan (AI) bagi membantu mahkamah menganalisis trend dalam mengenakan hukuman terhadap mereka yang disabitkan kesalahan.

Menurutnya, AI mempunyai hadnya yang mana pada akhirnya, hakim sendiri yang akan membuat keputusan muktamad.

Wan Ahmad Farid berkata, majistret dan hakim Mahkamah Sesyen di Sabah dan Sarawak sudah menggunakan AI untuk menyediakan panduan mengenai hukuman bagi kesalahan jenayah, bagaimanapun menegaskan bahawa mereka 'tidak terikat dengan cadangan AI'.

Beliau berkata, Badan Kehakiman juga sedang meneroka penggunaan AI untuk panduan hukuman di mahkamah di Semenanjung.

"Tetapi saya selalu katakan bahawa aspek kemanusiaan dalam AI masih kurang, jadi majistret dan hakim Mahkamah Sesyen perlu menggunakan kepakaran dan kemahiran mereka sendiri untuk membuat keputusan.

"Hakim mungkin mempertimbangkan untuk mengenakan hukuman yang lebih berat dalam kes tertentu disebabkan faktor lain yang mungkin tidak dapat diambil kira oleh AI.

"Walaupun AI membantu, tetapi ia bukan penentu muktamad, kita perlu membuat keputusan akhir melalui satu cara atau cara yang lain," katanya.

Wan Ahmad Farid berkata, Badan Kehakiman kini sedang meneroka kemungkinan lain bagaimana AI boleh digunakan untuk meningkatkan kualiti penghakiman mahkamah dan untuk memastikan menyampaikan penghakiman dengan pantas.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Nasi Kandar Sulaiman

December 1 at 11:11 AM · 🌐

RM300 belanja. Ada seorang sahabat india sumbang duit RM300 suruh belanja warga emas dan oku. Alhamdulillah dengan guna duit beliau saya sudah pun belanja ramai warga emas dan beberapa orang oku. Ini kali ketiga beliau sumbang duit suruh belanja makan. Setiap kali beliau sumbang RM300. Rasanya beliau ini orang KL. Namun beliau percaya dengan saya beliau transfer duit kepada saya. Memang hebat beliau. Beliau mempunyai hati yang sangat mulia sebab itulah beliau tergerak hati untuk sumbang duit bagi orang makan.

Yang sumbang duit adalah orang india tetapi ramai juga cina dan melayu dapat saya belanja. Ini orang kata sedekah memupuk perpaduan. InsyaAllah saya akan teruskan amalan ini. Amanah yang diberi pasti akan saya jaga.

See translation



Tangkap layar hantaran di platform Facebook.

'Belanja warga emas, OKU makan RM300'

Oleh ALIA NATASHA CHAHIDAN 5 Disember 2025, 6:58 pm

PETALING JAYA – Sikap pemurah seorang lelaki berbangsa India yang sering menyalurkan sumbangan untuk belanja makan golongan warga emas dan orang kurang upaya (OKU) telah menarik perhatian ramai.

Menerusi perkongsian di Facebook oleh Nasi Kandar Sulaiman, lelaki itu memberi RM300 kepada pihak restoran setiap kali sumbangan.

"Sahabat India sumbang duit suruh belanja warga emas dan OKU. Ini kali ketiga dia sumbang duit suruh belanja makan.

"Yang sumbang duit adalah orang India tetapi ramai juga Cina dan Melayu dapat dibelanja. Orang kata sedekah memupuk perpaduan, Insya-Allah saya teruskan amanah ini," tulisnya di ruangan kapsyen.

Perkongsian tersebut mendapat perhatian pengguna media sosial yang rata-ratanya meluahkan rasa kagum terhadap sifat murah hati dan semangat perpaduan yang ditunjukkan.

"Terbaik. Sedekah bukan kira bangsa. Semoga pemberi diberikan kesihatan baik dan kesenangan," kata Malek Nabilah.

"Ini lebih bagus daripada pecah rekod harga tertinggi. Belanja orang tua-tua, OKU dan yang tidak ada duit nak makan," komen Vince Tokunaga. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Gambar hiasan.

Lelaki ditahan paksa kekasih ambil ubat gugurkan bayi

Oleh KOSMO! 5 Disember 2025, 3:22 pm

GOMBAK – Polis menahan seorang lelaki tempatan berusia 21 tahun selepas disyaki memaksa seorang wanita berusia 19 tahun mengambil ubat dipercayai bertujuan menggugurkan kandungan dalam satu kejadian di Bandar Country Homes, Rawang.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Noor Ariffin Mohamad Nasir berkata, pihaknya menerima laporan daripada Hospital Sungai Buloh pada 3 Disember lalu berhubung kes berkaitan pengguguran kandungan.

“Siasatan mendapati pada 2 Disember, kira-kira pukul 7.10 pagi, wanita terbabit melahirkan bayi pramatang berusia lapan bulan di sebuah klinik swasta di Rawang sebelum dibawa ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan lanjut.

“Bagaimanapun, bayi tersebut disahkan meninggal dunia pada 3 Disember 2025 pukul 12.30 tengah hari akibat komplikasi pramatang dan kekurangan oksigen ke otak,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Katanya, satu kertas siasatan dibuka di bawah Seksyen 315 Kanun Keseksaan kerana perbuatan dengan niat mengelakkan anak dilahirkan hidup atau menyebabkan kematian selepas dilahirkan.

“Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau kedua-duanya.

“Lelaki terbabit telah direman empat hari bermula 4 hingga 7 Disember bagi membantu siasatan, manakala wanita berkenaan turut disiasat sebagai suspek,” katanya.

Orang ramai yang mempunyai maklumat diminta menghubungi Pegawai Penyiasat, Inspi Prakash A/L Sithambaram di talian 012-2940827 atau Bilik Gerakan IPD Gombak di 03-6126 2222 – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI

Guru, datuk didakwa cabul murid dan cucu perempuan

Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my



GURU dan warga emas didakwa atas tuduhan amang seksual fizikal murid serta cucu perempuan. FOTO Alias Abd Rani.

Muar: Guru sekolah agama dan warga emas masing-masing mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan amang seksual fizikal terhadap murid dan cucu perempuan.

Tertuduh, Muhammad Afham Asyraf Hamdan, 29, berhadapan empat pertuduhan, manakala warga emas berusia 70 tahun satu pertuduhan, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Mohd Khairi Harun.

Bagi pertuduhan pertama hingga ketiga, Muhammad Afham didakwa melakukan amang seksual terhadap murid berusia 11 tahun di sebuah sekolah di Batu Pahat pada 6 petang, 7 November lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 14 (a), (b) dan (d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 yang dibaca bersama mengikut Seksyen 16 akta sama.

Lelaki itu turut dituduh mengikut Seksyen 15 (a) (ii) akta sama yang membabitkan mangsa lain berusia 11 tahun di lokasi sama, tahun 2024.

Sementara itu, warga emas itu didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap cucu perempuan berusia 17 tahun (ketika kejadian) di dapur sebuah rumah pada tahun 2024 dan didakwa mengikut Seksyen 14 (a), yang dibaca bersama Seksyen 16 akta sama.

Seksyen 14 memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan bagi setiap pertuduhan, manakala Seksyen 16, tambahan hukuman, penjara maksimum lima tahun serta sebatan tidak kurang dua kali.

Bagi Seksyen 15 (a) (ii) pula, penjara sehingga 10 tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya jika disabitkan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Diyana Najihah Muhamad Fauzi manakala Muhammad Afham dan warga emas masing-masing diwakili peguam RK Bala dan Teng Fong Lin.

Mahkamah membenarkan Muhammad Afham diikat jamin RM16,000 bagi semua pertuduhan, manakala warga emas dibenar ikat jamin RM10,000.

Selain itu, mahkamah menetapkan syarat tambahan dengan kedua-dua tertuduh perlu melapor diri di balai polis berhampiran sebulan sekali dan tidak boleh mengganggu mangsa atay saksi.

Kes disebut semula pada 4 Februari depan untuk serahan dokumen.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita didakwa ugut bakar rumah, acu pisau ke arah ibu

🕒 05 Disember 2025, 3:11pm



Tertuduh (kanan) di Mahkamah Majistret Batu Pahat. Foto NSTP

Oleh: Alias Abd Rani

BATU PAHAT: Seorang wanita dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, hari ini atas pertuduhan mengugut mahu membakar rumah serta mengacu pisau terhadap ibunya kerana berang dilarang keluar rumah, Isnin lalu.

Tertuduh, Maznah Naim, 50, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Nuraidah A Rahman.

Mengikut pertuduhan, dia yang belum berkahwin didakwa menakutkan secara jenayah dengan mengeluarkan kata-kata ugutan sambil mengacu sebilah pisau terhadap ibunya berusia 70 tahun.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah rumah di Kampung Sri Pantai, Senggarang di sini, pada jam 6.30 petang, 1 Disember lalu.

Oleh itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang boleh dipenjarakan sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Berdasarkan laporan buat, ibu tertuduh melarangnya keluar rumah sebelum wanita itu tiba-tiba naik angin lalu mengambil sebilah pisau.

Mangsa yang berasa ketakutan dengan ugutan itu lalu bertindak membuat laporan polis di Balai Polis Senggarang pada keesokan hari.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Farah Wahidah Mohd Sharip manakala tertuduh diwakili peguam, Haryanti Othman daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

Mahkamah membenarkan diikat jamin RM3,000 dengan seorang penjamin, namun tertuduh gagal membayarnya sebelum dihantar ke Pusat Koreksional Muar bagi menjalani tahanan sementara.

Kes disebut semula pada 4 Februari depan untuk serahan dokumen dan lantikan peguam tertuduh.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tangkap layar hantaran pengguna Threads memaparkan seorang lelaki dipercayai warga asing cuba membuka pintu keretanya di Stesen LRT Bangsar, Kuala Lumpur.

Lelaki misteri LRT Bangsar serang wanita

Oleh HALISYA ISMA ZULKURNAIN 5 Disember 2025, 6:56 pm

PETALING JAYA – Seorang wanita cemas selepas seorang lelaki warga asing cuba menyeranginya ketika menunggu tunangnya di dalam kereta di Stesen LRT Bangsar, Kuala Lumpur, malam tadi.

Menurut hantaran pengguna Threads, wanita tersebut turut berkongsi beberapa rakaman video lelaki berkenaan cuba membuka pintu keretanya, meskipun sudah membunyikan hon berkali-kali bagi menghalang dan menyuruh lelaki itu berhenti menyeranginya.

“Tolong hati-hati sekiranya nampak lelaki ini. Lelaki ini cuba masuk kereta saya ketika saya menunggu tunang saya.

“Walaupun sudah membunyikan hon kereta beberapa kali dan menjerit, lelaki itu tetap menyerang sehingga tunang saya sampai,” katanya.

Video berdurasi 21 saat itu turut memaparkan tunangnya marah dengan tindakan lelaki tersebut sebelum beredar meninggalkan kawasan berkenaan.

Difahamkan, wanita tersebut sudah membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Brickfields dan menasihatkan agar orang ramai di sekitar Bangsar berwaspada dengan lelaki tersebut.

Perkongsian tersebut meraih pelbagai reaksi netizen yang rata-rata bimbang akan berlaku situasi lebih membahayakan orang ramai terutama pengguna pengangkutan awam.

“Semalam, saya jumpa lelaki ini juga. Saya tengah menghisap rokok dan dia (lelaki) minta sebatang rokok,” komen @Roll9949.

“Saya pernah nampak dia (lelaki) tak pakai seluar atau seluar pendek di Stesen LRT Bangsar sekitar pukul 9 malam,” komen @Ryujee_. –KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lima hari bersama mayat anak, wanita buta terpaksa merangkak cari bantuan

🕒 05 Disember 2025, 10:02pm



Pasukan penyelamat mengangkat mayat wanita yang dipercayai meninggal dunia sejak lima hari lalu di Kota Samarahan. – Foto ihsan pembaca

Oleh: Mohd Roji Kawi

KUCHING: Wanita warga emas yang cacat penglihatan terpaksa merangkak keluar dari rumah ke Jalan Kampung Telok Sabang, Kota Samarahan bagi mendapatkan bantuan selepas beberapa hari tinggal bersama mayat anak perempuannya.

Ketua Polis Daerah Kota Samarahan, Superintendan Damataries Lautin berkata, sebelum itu anak wanita terbabit yang berusia 48 tahun mengadu sakit dada dan sesak nafas pada 30 November lalu.

Menurutnya, wanita berusia 69 tahun menyedari anaknya sudah meninggal dunia, namun tidak berupaya berbuat apa-apa, selain berharap ada yang datang membantu.

"Bagaimanapun, bau mayat yang semakin kuat semalam, menyebabkan si ibu tidak lagi mampu bertahan dan mengumpulkan seluruh tenaga untuk merangkak keluar dari rumah dengan berpanduan sentuhan di sepanjang laluan denai sempit sejauh kira-kira 150 meter.

"Wanita itu merangkak dalam keadaan lemah sehingga tiba di tepi jalan besar pada awal pagi hari ini, sebelum ditemui orang awam," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Damataries berkata, pasukan polis bersama unit forensik yang tiba di lokasi mendapati mangsa sudah meninggal dunia lima hari dan tidak mengesan sebarang unsur jenayah.

Katanya, mayat dibawa ke Unit Forensik Hospital Umum Sarawak dan bedah siasat mengesahkan punca kematian sebagai serangan jantung selepas tiga saluran jantung tersumbat sepenuhnya.

"Kes itu diklasifikasikan sebagai mati mengejut (SDR)," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki didakwa lakukan amang seksual terhadap remaja 15 tahun

Oleh Malinda Abdul Malik • 5 December 2025



Tertuduh, Muhamad Amirul Affandi didakwa atas pertuduhan melakukan amang seksual terhadap seorang remaja perempuan berusia 15 tahun di Mahkamah Sesyen Butterworth, Pulau Pinang hari ini.

BUTTERWORTH – Seorang penghantar makanan e-hailing mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual terhadap seorang remaja perempuan berusia 15 tahun pada Oktober lalu.

Tertuduh, Muhamad Amirul Affandi Zulfekri, 24, membuat pengakuan itu selepas kedua-dua pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Zulhazmi Abdullah.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa melakukan amang seksual dengan cara mencium mulut serta meraba buah dada seorang remaja perempuan berusia 15 tahun.

Bagi kesalahan itu pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah bilik hotel di Jalan Kampung Benggali di sini, antara jam 7 hingga 8 pagi pada 18 Oktober lalu.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Aini Yahya manakala tertuduh diwakili peguam N. Tishalini.

Ketika prosiding, Nurul Aini tidak menawarkan sebarang jaminan berikutan ia merupakan kesalahan yang tidak dibenarkan jaminan.

Bagaimanapun, dalam rayuan Tishalini mohon budi bicara mahkamah untuk membenarkan jaminan terhadap anak guamnya dengan alasan lelaki itu bekerja sebagai penghantar makanan e-hailing dengan pendapatan RM1,500 dan telah direman selama 11 hari.

"Dia merupakan anak sulung daripada tiga beradik dan menanggung perbelanjaan rumah serta dua adiknya yang masih bersekolah. Sekiranya disambung dia reman keluarganya turut akan berdepan masalah kewangan.

"Selain itu, mangsa juga tidak mempunyai sebarang hubungan serta tidak tinggal bersama tertuduh," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan dilarang mengganggu mangsa, pengadu dan saksi pendakwaan sehingga kes selesai.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 9 Januari depan. – MalaysiaGazette